

## Transformasi Pensyarah UiTM Pahang ke Arah Kecemerlangan Akademik

Jamaludin Kasim

Faculty of Applied Science, Universiti Teknologi MARA Pahang  
26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
djamal@pahang.uitm.edu.my

**Abstrak:** Pensyarah boleh diibaratkan sebagai pelita yang menerangi suasana malam yang gelap gelita. Nilai serta etika yang dibawa disanjung tinggi oleh semua lapisan masyarakat dalam menjalankan tugas seharian. Transformasi pensyarah ke arah kecemerlangan akademik memerlukan pengorbanan yang tinggi bagi mendapatkan perubahan yang ketara kepada sifat keperibadian yang lebih baik. Mentor yang baik dan berkemampuan akan membawa pensyarah baru ke alam akademik yang betul dan bukan sebaliknya. Pensyarah juga boleh melakukan perubahan diri dengan menyertai *Research Interest group* (RIG). Perancangan hidup sebagai seorang pensyarah adalah amat penting agar dipenghujung hayat, kita telah memberikan sesuatu sumbangan yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara dalam bidang yang kita dukungi. Sebagai pensyarah kita renung jauh dalam diri, kedalam minda kita, tanya diri kita apakah kita tidak perlukan transformasi diri. Sejujurnya semua kita sekiranya merendahkan diri maka pastinya kita akan berusaha untuk merubah kehidupan kita sebagai pensyarah yang menuju ke arah kecemerlangan akademik. Kejayaan merubah diri akan menghasilkan pensyarah yang berintegriti yang memiliki kualiti terbaik meliputi penguasaan ilmu yang tinggi dalam bidang kepakaran disamping berkemampuan kemahiran generik (soft skills) serta berperibadian yang terpuji.

### 1. Pengenalan

Negara kita telah meletak beberapa program transformasi bagi memastikan negara berjaya menjadi sebuah negara maju serta penduduknya mempunyai pendapatan tinggi. Program Transformasi Kerajaan (GTP-Government Transformation Program) diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak pada bulan April 2009. GTP mempunyai dua objektif iaitu yang pertama, mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat; dan kedua, memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan piawai kehidupan yang tinggi untuk semua. Ini sejajar dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya (Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia, 2010).

Pensyarah adalah seorang yang dipandang tinggi kedudukannya dikalangan masyarakat dan menjalankan tugas mulia dimana mereka berperanan mendidik dan menyampaikan ilmu serta maklumat kepada para pelajar agar menjadi manusia yang holistik. Pensyarah boleh kita ibaratkan sebagai pelita yang menerangi suasana malam yang gelap gelita. Maka sebagai seorang pensyarah sudah pastinya nilai serta etika yang dibawa di sanjung tinggi oleh semua lapisan masyarakat dalam menjalankan tugas seharian. Setiap pensyarah seharusnya menghayati dan mengamalkan nilai dan etika yang telah digariskan oleh pengurusan tertinggi UiTM (Nilai dan Etika Pensyarah UiTM, 2004). Buku ini seharusnya di jadikan panduan dalam memastikan setiap pensyarah (a) melaksanakan tugas dengan amanah dan penuh tanggungjawab serta (b) senantiasa mengamalkan nilai dan etika kerja yang tinggi selaras dengan keperluan universiti, tuntutan agama, bangsa dan Negara. Kertas kerja ini membincangkan mengenai transformasi seorang pensyarah yang perlu dilalui untuk membolehkan beliau bergelar pensyarah UiTM yang tulen.

## 2. Pencapaian Pensyarah UiTM Pahang

Jadual 1 menunjukkan pensyarah UiTM Pahang mengikut gred jawatan. Jadual ini jelas menunjukkan terdapat banyak perbezaan tentang pencapaian pensyarah dari segi gred jawatan yang ada. Profesor tetap ada 1 walhal UiTM keseluruhan telah mencadangkan agar setiap kampus negeri mempunyai sekurang kurangnya 5 profesor tetap. Jawatan professor madya juga agak sedikit hanya 12 pensyarah sahaja. Jelas daripada jadual ini menunjukkan bahawa pencapaian pensyarah UiTM Pahang amat perlu ditingkatkan supaya kecemerlangan akademik dapat di kongsi bersama.

**Jadual 1.** Pensyarah mengikut Gred jawatan

JWT	TETAP	SEM	KONTRAK	CB	CTG	JUMLAH
Vk7	1		1			2
DM54	5					5
DM53	7					7
DM52	93			31	1	125
DM51	3					3
DM46	1			1		2
DM45	157	1	2	11		171
DM41	8	7	8			23

Sumber : Pejabat Pendaftar UiTM Pahang, Julai 2014

Jadual 2 menunjukkan pencapaian para pensyarah UiTM Cawangan Pahang dalam penyelidikan dan penerbitan kertas kerja seminar, konferensi, symposium serta penerbitan dalam jurnal dalam dan luar. Jumlah geran penyelidikan yang tertinggi adalah pada tahun 2011 dimana 55 geran dalaman dan luar telah di perolehi oleh para pensyarah kita. Juga pada tahun yang sama sejumlah 37 artikel telah diterbitkan dalam jurnal berimpak. Ini merupakan satu jumlah yang agak baik berbanding tahun-tahun sebelum nya. Tetapi jumlah sebenar pensyarah yang terlibat dalam penyelidikan serta penulisan amatlah mendukacitakan memandangkan kini UiTM Cawangan Pahang mempunyai pensyarah melebihi 400 orang. Situasi ini membimbangkan dan jelas nya kita memerlukan satu proses transformasi pensyarah yang drastik untuk membolehkan lebih ramai pensyarah melibatkan diri dalam dunia penyelidikan dan penulisan.

**Jadual 2.** Pencapaian Pensyarah UiTM Pahang dari 2007-2011

Tahun	Penyelidikan#	Prosiding Dalaman	Prosiding Luaran	Journal Dalaman	Journal Luaran*#
2007	22	>50 KONAKA, dll	>5	>15 Jurnal Gading	3
2008	38	>50 KONAKA, dll	>10 STSS, Compass	>15 Jurnal Gading	0
2009	14	>50 KONAKA, dll	>10 WCSym.,PacRim,	5	6
2010	19	>50 KONAKA, dll	>10 IUFRO, STSS	5	21

2011	55	>50 KONAKA, dll	>5	5	37
2012	52	69	69	5	47
2013	23	99	8	10	26

\*Jurnal berimpak, Isi, IEEE3, #Sumber: Koordinator PJI, UiTM Cawangan Pahang 2014

### 3. Transformasi Pensyarah

Sharifah Faigah (2006) telah menjelaskan bahawa kerjaya seorang pensyarah adalah bidang kerja yang mulia dan dihormati di kalangan masyarakat. Maka setiap pensyarah perlu memahami hala tuju UiTM iaitu dari segi falsafah, visi, misi dan matlamat penubuhan UiTM. Pengurusan tertinggi UiTM (UiTM, 2005) telah mengariskan peranan pensyarah kepada tiga iaitu

- i. Tugas pengajaran.
- ii. Menjalankan penyelidikan, perundingan dan penulisan serta.
- iii. Menjalankan khidmat masyarakat atau persatuan professional.

Namun masih terdapat ramai pensyarah yang tidak mahu memahami keperluan diatas malahan pada mereka tugas pengajaran sudah memadai manakala tugas penyelidikan serta khidmat masyarakat diabaikan. Pensyarah sedemikian lah menjadi fokus kertas kerja ini, semoga di bukakan minda agar berubah kearah positif dan bersama-sama meningkatkan lagi proses kearah kecemerlangan akademik.

Transformasi didefinisikan sebagai proses atau tatacara perubahan, selalunya perubahan yang ketara pada rupa bentuk atau sifat keperibadian lazimnya untuk yang lebih baik (Merriam Webster, 2012). Ini lebih jelas kalau kita lihat bagaimana perubahan seorang bayi kepada seorang budak terus meningkat remaja menjadi seorang dewasa dan kini sebagai seorang pensyarah. Proses perubahan ini melibatkan satu proses yang memakan masa melibatkan pemakanan yang baik dan didikan kedua ibubapa dirumah serta tunjuk ajar para guru semasa disekolah dan universiti sebelum bergelar seorang pensyarah. Proses perubahan yang dilalui oleh bayi tadi dapatkah kita samakan dengan transformasi seorang pensyarah kini kepada seorang pensyarah yang lebih cemerlang? Proses yang akan dilalui pastinya akan berbeza dan memerlukan masa yang lebih singkat memandangkan pensyarah sudah tua tiada masa yang panjang sebelum dipencenkan.

### 4. Tugas pensyarah (Amanah Tugas Pensyarah)

Tugas pengajaran merupakan satu tugas yang terpenting bagi semua pensyarah di tiap tahap. Jumlah jam pengajaran yang diberikan kepada pensyarah merupakan salah satu kayu ukur yang digunakan dalam menilai kecemerlangan akademik pensyarah. Namun begitu tugas pengajaran pensyarah UiTM memang tidak sama dengan rakan sejawatan di IPTA lain. Pensyarah di IPTA lain lazimnya mempunyai sekitar 6-8 jam/minggu tugas pengajaran.

Suatu ketika dulu kita di perkenalkan dengan Amanah Tugas Syarahan (ATS) iaitu 18 jam /minggu. Selain itu kita juga di mestikan membuat penyelidikan serta menghasilkan penerbitan dan melibatkan diri dengan khimat masyarakat. Ini yang terbaru mulai Januari 2012 kita diperkenalkan dengan Amanah Tugas Pengajaran (ATP). Cuma ATP kali ini dilihat lebih memberikan ruang untuk pensyarah membuat pilihan mengikut kemampuan masing-masing. Dahulu ATS tidak kira pensyarah biasa atau professor semua diberikan Amanah Tugas

Akademik (ATA) 18 jam, tapi ATP kini lebih baik dimana terdapat pembahagian tugas yang lebih adil dan signifikan sebagai seorang pensyarah.

ATP merangkumi (1) Amanah Tugas Syarahan (ATS) dan (2) Kesetaraan Jam Syarahan (KJS). ATS merangkumi Kontek Syarahan (KS) dan Penyediaan Syarahan (PS) dan Penilaian. Kesetaraan jam pensyarah (KJS) pula mengambil kira setiap tugas pensyarah yang dianggap sebahagian dari tugas pensyarah selain daripada syarahan seperti penyeliaan/tutorial/projek/makmal/studio/penyelidikan dan pentadbiran. Jam kontrak seorang pensyarah ditetapkan pada 39 jam seminggu.

Tidak kira apa jua sistem yang digunapakai akhirnya yang dinilai adalah hasil yang di dapati pada penghujung tahun tersebut. Maka suka atau tidak suka maka seorang pensyarah terpaksa menunjukkan hasil yang diperolehinya untuk dinilai.

## 5. Mentor

Konsep pementoran dalam Jabatan Kerajaan bukanlah satu perkara yang baru dan Hasnizawati et al. (2007) telah menyatakan bahawa mentor berperanan sebagai pelindung, guru dan bapa kepada anaknya. Sememangnya semua pensyarah baru seharusnya diletakkan dibawah seorang pensyarah yang telah terbukti kemampuannya dalam pengajaran, penyelidikan, perundingan serta aktif berkhidmat masyarakat. Tugas ini perlu diagihkan oleh Ketua pusat Pengajian (KPP) yang berkaitan. Mentor perlulah membawa pensyarah baru kealam akademia yang betul dan bukan sebaliknya. Kerjasama dengan mentor pasti akan memberikan manafaat yang menguntungkan kedua pihak tiada pihak akan berasa kerugian malahan berada dalam situsai “win-win”.

Manakala pensyarah “lama” yang rasa diri tidak perlu lagi peningkatan usahlah menjatuhkan semangat pensyarah muda yang baru hendak belajar erti hidup dalam dunia pensyarah. Jangan dikritik dan dicemuh supaya pensyarah muda mengikut apa yang dia buat. Kalau kita tak mampu untuk menjadi contoh dan ikon kepada pensyarah muda maka kita sekurang-kurangnya memberikan galakkan yang positif kepada mereka.

## 6. Ahli “RIG”

Di semua institusi pendidikan tinggi, semua pensyarah digalakkan menjalankan penyelidikan bagi membolehkan aplikasi teori dalam bentuk parktikal, peningkatan pengajaran dan pembelajaran dan profesionalisme. Di semua institusi pendidikan tinggi tertutama Universiti Penyelidikan (RU) penyelidikan sudah menjadi budaya kerja pensyarah mereka. Bagaimana pula dengan pensyarah UiTM Cawangan Pahang? Adakah kita tergolong dalam kelompok ini? Berdasarkan Jadual 2 jelas menunjukkan bahawa pembabitan pensyarah dalam dunia penyelidikan amatlah mendukacitakan. Bagaimana harus kita lakukan bagi memupuk budaya penyelidikan di kalangan pensyarah UiTM Cawangan Pahang ini?

Satu lagi cara untuk melakukan perubahan diri ialah dengan menyertai *Research Interest Group* (RIG). Sebagai ahli pastinya pensyarah yang kurang faham serta mahir dalam penyelidikan akan dibantu serta diberikan tunjukajar bagaimana satu penyelidikan yang signifikan dapat dijalankan. Penyertaan dalam RIG bukan saja dapat meningkatkan ilmu penyelidikan malah dapat mengasah bakat penulisan pensyarah. Tidak dinafikan kebanyakan pensyarah pada satu ketika dulu pernah menulis tesis. Tapi setakat itu sahaja, cuba kita olahkan tesis yang telah kita hasilkan itu kepada satu bentuk artikel yang boleh diterbitkan dalam jurnal berwasit atau lebih baik lagi jurnal berimpak, barulah memberikan manafaat kepada manusia sejagat.

Walupun sudah bergelar pensyarah ramai diantara kita lebih suka mengajar dan tiada usaha untuk menyelidik dan mendapatkan ilmu baru dalam bidang kita sendiri. Kita pasti lebih selesa menjadi pengguna maklumat bukan sebagai pengeluar ilmu baru. Kalau begini sikap kita

maka kita sebagai pensyarah tidak akan cemerlang sepanjang hidup sebagai pensyarah. Bayangkan masuk pensyarah sebagai pensyarah DM 45 dan apabila masuk tahun ke 15 masih ditahap DM45 tapi dapat anugerah cemerlang dua kali. Persoalan nya dimanakah letak cemerlang kita yang kita perolehi sebanyak 2 kali dalam tempoh tersebut?


## 7. “Big Picture”

Mempunyai pandangan yang jauh dalam kehidupan sebagai pensyarah bukan hanya setakat mencukupi dengan apa yang ada. Merancang hidup sebagai seorang pensyarah adalah amat penting agar dipenghujung hayat, kita telah memberikan sesuatu sumbangan yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan Negara dalam bidang yang kita dukungi. Janganlah kita hidup dalam dunia seorang buta, apabila diminta menggambarkan seekor gajah maka apa yang dicapainya itu saja yang dia tahu walhal gambaran sebenarnya kehidupan ini sangat luas lagi. Belajarlah dari pensyarah yang telah berjaya meningkatkan diri dari tahap terendah kepada yang lebih tinggi. Buangkan sifat malu kita untuk belajar dari yang lebih mengetahui semoga kita juga akan cemerlang seperti mereka.

## 8. Perubahan Minda

Sebenarnya semua manusia diciptakan ALLAH sama sahaja tiada kelebihan diawal penciptaan, malah sangat lemah dan perlu dijagai. Apabila sudah dewasa maka segelintir dari kita berasa kita sudah pandai tidak perlu lagi ditunjukajar, ego serta sombong dengan pencapaian yang telah kita perolehi malahan sanggup pula menjatuhkan rakan-rakan kita. Kita renung dalam-dalam kedalam diri kita, kedalam minda kita, tanya diri kita apakah kita tidak perlukan transformasi diri. Sejajurnya semua kita sekiranya merendahkan diri maka pastinya kita akan berusaha untuk merubah kehidupan kita sebagai pensyarah yang sebelum ini yang kita rasai sudah mencukupi.

Kekuatan minda atau akal yang diberikan ALLAH sekiranya dibimbing dengan tatacara yang betul pastinya akan menghasilkan satu transformasi yang menakjubkan pada diri kita sendiri sepertimana seekor rama-rama dijelmakan selepas melalui beberapa fasa transformasi (Gambarajah 1). Perubahan hanya bermula apabila kita sudi menjadi seorang yang berfikiran positif dan membuang segala sifat-sifat yang negatif. Ego kita dan kesombongan kita, kita tukarkan dengan sifat merendah diri, selalu bertanya dan ingin mempelajari sesuatu yang baru, akhirnya kita pasti akan berubah menjadi pensyarah yang lebih baik dan cemerlang.



Rajah 1. Kitaran hidup seekor rama-rama

Cabaran yang utama dalam proses membangunkan modal insan (pensyarah yang cemerlang) adalah dengan menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan minda pensyarah agar selari dengan hala tuju UiTM dan perubahan persekitaran. Perubahan minda yang ingin diterapkan sewajarnya menggalakkan pemikiran yang selari dengan aspirasi UiTM bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugas pengajaran dan berkeupayaan menyediakan pensyarah yang membudayakan nilai-nilai murni. Proses transformasi minda perlu bagi membangunkan pensyarah secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pensyarah bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. Program transformasi minda seharusnya di kendalikan oleh pihak Ilqam bagi melengkapkan pensyarah muda terutama nya sebagai satu pendekatan untuk memberikan pendedahan dan penyesuaian minda pensyarah di awal peringkat lantikan.

## 9. Integriti Diri

Apa itu Integriti? Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan dalam organisasi (Mohd Hafizdi, 2013). Ianya berkait rapat dengan etika. Integriti adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari. Pensyarah berintegriti adalah seorang pensyarah yang memiliki kualiti terbaik. Kualiti terbaik pensyarah meliputi penguasaan ilmu yang tinggi dalam bidang kepakaran disamping berkemampuan kemahiran generik (soft skills) serta berperibadian yang terpuji.

Integriti akademik menuntut pensyarah mempunyai nilai-nilai murni seperti amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam proses pencarian ilmu serta mengajarkannya. Tanpa nilai peribadi tadi akan menyebabkan perlakuan tiada berintegriti seperti tidak menjalankan penyelidikan, tidak menghasilkan penulisan akademik, tidak menunaikan amanah pengajaran dengan baik dan sebagainya. Perbuatan ini adalah satu kesalahan besar (jenayah akademik) dalam akta universiti (Akta 605).

## 10. Kesimpulan

Mentransformasi minda agar dapat menghasilkan sesuatu pekerjaan dengan hasil yang terbaik amatlah dituntut dari semua pensyarah. Mempelajari dari pensyarah mentor serta menyertai RIG adalah sesuatu usaha yang akan meningkatkan nilai seorang pensyarah. Semua pensyarah seharusnya mempunyai perancangan jangka masa pendek dan panjang agar dapat menjadi seorang pensyarah yang cemerlang akademik. Akhirnya saya berpandangan bahawa manusia hanya akan berubah apabila SIKAP diri sendiri diubah oleh pemiliknya baru lah kecemerlangan diri akan terserlah menyinari alam ini. Terhasil lah seorang pensyarah yang berintegriti tinggi.

## 11. Rujukan

- Hasnizawati Hashim, Mazlina Suhaimi, Mohd Norafizal Abd Aziz, & Rozieana A. Halid @ Khalid. (2007). *Aplikasi Konsep Mentor bagi Meningkatkan Kualiti Pengajaran Pensyarah*. Prosiding KONAKA 2007, 101-108.
- Sharifah Faigah Syed Alwi, Mazlina Suhaimi, Minah Dibok & Raaain Mustari. (2007). *Kerjaya Pensyarah: Ibadah atau Musibah?*. Prosiding KONAKA 2007, 57-65.
- Merriam Webster dictionary. (2012).
- Mohd Hafidzdi Che Md Akhir. (2013). *Integriti Mahasiswa "Memupuk Mahasiswa Berintegriti"*.
- Nilai dan Etika Pensyarah UiTM. (2004). UPENA, UiTM Shah Alam.
- Program Transformasi Kerajaan Malaysia : Pelan hala Tuju. (2010)., PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri, 28 Januari, 288.m.s.